

Lawatan PKU ke Kampus Bukit Kor dan Stesen Penyelidikan Alami UMT

Oleh: Tengku Nuriah binti Tengku Abdul Rahman

Pengalaman yang amat menarik dan bermanfaat sepanjang Program Lestari PKU 2023 yang telah berjaya dilaksanakan pada 13 September 2023. Pelbagai informasi mengenai peranan stesen penyelidikan yang dapat dikongsi bersama pegawai perubatan dan petugas Pusat Kesihatan Universiti (PKU), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sepanjang lawatan ke Kampus UMT Bukit Kor dan stesen-stesen penyelidikan yang dimiliki oleh UMT.

Lawatan yang disertai oleh kira-kira 34 orang warga PKU bermula di Kampus UMT Bukit Kor, UMT telah memberi pengalaman baharu mengenai fungsi dan peranan kampus ini dalam pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan dan pembangunan pertanian serta lain-lain yang berkaitan.

Berkeluasan 600 ekar dan terletak kira-kira 20 kilometer ke selatan Bandar Kuala Terengganu, Kampus UMT Bukit Kor merupakan kawasan strategik berhampiran dengan kawasan perindustrian Bukit Kor termasuk Institut Perindustrian MARA dan Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri Terengganu (TESDEC).

PKU dibawa untuk meninjau ekosistem dan bentuk muka bumi di sini yang sebahagiannya berbukit sederhana tinggi manakala tanah di kawasan lembah adalah tanah organik gembur halus (fine loamy) yang sesuai untuk pertanian. Kampus ini menjadi salah satu pusat pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan yang bukan sahaja memanfaatkan warga UMT malah komuniti sekitar dan pembangunan negeri secara keseluruhannya.

